

Kaum Ibu yang Masyhur

Siti Māriah al- Qibṭīyyah

“Berpesanlah kamu dengan layanan yang baik terhadap kaum
Qibṭī, kerana mereka telah diberikan jaminan (oleh kami) dan
mereka mempunyai pertalian semenda dengan kami.”

- maksud Hadis *sharīf*.

Māriah Anak Mesir

Tidak berapa jauh dari rumah Rasulullah *sallā Allāh 'alayhi wa ālihi wa sallam* terletak sebuah rumah khas tempat kediaman salah seorang isteri Nabi, yang tidak bergelar “*Ummu al-Mu'minīn*”, tetapi ia telah mencapai kedudukan yang mulia di antara madu-madunya yang lain, kerana melahirkan seorang putera iaitu Saidinā Ibrahīm ‘alayhi al-salām.

Meskipun Siti Māriah, tidak mendiami rumah Rasulullah yang berhubung dengan masjid, tetapi ia sangatlah besar kesannya kepada madu-madunya yang mendiami rumah itu. Setakat mana kesannya, cukuplah disebut bahawa dialah orangnya yang telah menyebabkan madu-madunya sepakat menentangnya dan nyaris-nyaris mereka berjaya mendesak Rasulullah supaya mengharamkannya atas diri baginda jika tidaklah turun ayat suci di dalam surah “*al-Tahrīm*” yang menegur “Rasulullah”:

*Yā ayyuhā al-nabiyū lima tuḥarrimu mā aḥalla Allāhu laka, tabtagħi
mardāta azwājika.*

Ertinya: “Wahai Nabi! Mengapa kamu haramkan

barang yang telah dihalalkan oleh Allah bagimu, kerana kamu berkehendakkan keredhaan isteri-isterimu?”

Siapa gerangan perempuan itu?

Bagaimana ia mendapat celah masuk dalam kehidupan

Rasulullah?

Dan bagaimana kedudukannya dalam kehidupan baginda?

Di salah sebuah kampung di Mesir yang bernama “Hafin” yang terletak di tepi tebing Timur Sungai Nil, “Māriah binti Sham‘ūn” telah dilahirkan, ayahnya seorang bangsa Qibṭī (Mesir Tua) dan ibunya dari bangsa Rom.

Setelah memasuki umur muda remaja, “Māriah” bersama-sama dengan adiknya “Sīrīn” telah dibawa oleh nasib mereka menjadi dayang-dayang di istana Raja Mesir “al-Muqawqis”.

Di sana ia mendengar perihal zahirnya seorang Nabi di Semenanjung Arab yang menyeru kepada satu agama baru. Māriah sedang berada di istana Raja Mesir itu

ketika utusan Nabi dari Madinah, “Hāfiẓ ibn Balta‘ah”

datang membawa surat Nabī Muḥammad ᷃allā Allāh ‘alayhi wa əlīhi wa sallam kepada al-Muqawqis – Raja Mesir.

Kandungan surat itu seperti berikut

Bismi Allāhi al-Rahmāni al-Rahīm

“Daripada Muhammad ibn ‘Abdullah kepada al-Muqawqis,

ketua kaum Qibṭī. Salam sejahtera kepada orang-orang yang mengikut pertunjuk. Kemudian daripada itu, saya mengajak tuan dengan dakwah (seruan – ajakan) Islam: Terimalah Islam menjadi agama tuan nescaya tuan akan beroleh pahala dua kali.

Kalau tuan menolaknya maka sesungguhnya tuan akan menanggung dosa (kaum tuan) orang Qibṭī.

“Wahai ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) marilah kamu kepada kalimah (tauhid dan asas agama yang sejati) yang bersamaan (hakikatnya) di antara kami dengan kamu, iaitu janganlah kita menyembah melainkan Allah, dan janganlah kita mempersekuatkan dia dengan sesuatu yang lain dan janganlah setengah daripada kita menjadikan setengahnya yang lain sebagai Tuhan selain Allah.

Maka jika mereka berpaling menolaknya hendaklah kamu (wahai orang-orang Islam) berkata: Saksikanlah, bahawa sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam.”

Surat itu dibaca oleh al-Muqawqis (melalui penterjemahnya), kemudian dilipat dengan hormatnya dan dimasukkan ke dalam sebuah kotak yang terbuat daripada gading.

Setelah itu Raja Mesir itupun berpaling kepada “Hāfiẓ” (Utusan Nabi) lalu meminta supaya

diceritakan kepadanya darihal Nabī Muḥammad. Setelah Hāfiẓ

menceritakan halnya, tunduklah ia sebentar. Kemudian berkata kepada Hāfiẓ”

“Beta memang sedia mengetahui bahawa masih ada

seorang Nabi (yang akan zahir kelak), dan beta selama ini menyangka bahawa dia akan zahir di negeri Shām, dan memang di sana tempat kezahiran Nabi-nabi. Sekarang beta mendengar dia sudah zahir di Semenanjung Arab.

“Tetapi orang Qibṭī tidak akan menurut beta supaya menjadi pengikutnya, dan beta pula sayang hendak bercerai dengan kerajaan beta . . .”

Al-Muqawqis memanggil jurutulisnya lalu diperintahkan membala surat Nabī Muḥammad seperti berikut:

“. . . kemudian daripada itu, beta telah membaca surat tuan dan fahamlah beta apa yang tuan sebutkan di dalamnya dan apa yang tuan seru (ajak) kepadanya. Beta memang sedia mengetahui bahawa masih ada seorang Nabi (yang akan zahir kelak), dan beta selama ini menyangka ia akan zahir di negeri Shām”

“Beta telah memuliakan utusan tuan, dan telah menghantar kepada tuan dua gadis Mesir yang berkedudukan mulia dalam kalangan kaum Qibṭī. Beta juga hadiahkan beberapa helai baju, dan kenderaan untuk tuan.

“Sekianlah, salam sejahtera kepada tuan.”

Al-Muqawqis pun memberikan surat itu kepada utusan Nabi sambil menyatakan dukacitanya bahawa kaum Qibṭī nampaknya berpegang kuat kepada agama mereka. Tak dapat hendak dipujuk supaya mereka memeluk Islam. Ia

telah berpesan supaya segala apa yang diperkatakannya itu janganlah dihebahkan kepada kaum Qibṭī, jadikanlah sahaja sebagai rahsia untuk pengetahuan pihak Nabī Muhammad.

Berangkatlah utusan Nabi (Hāṭib ibn Balta’ah)

meninggalkan Mesir dengan membawa surat Al-Muqawqis dan hadiah-hadihnya kepada Nabī Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa ălihi wa sallam*, iaitu dua gadis jelita, “Māriah” dan adiknya “Sīrīn”, seorang hamba *khaṣīt*, seribu mithqal (saga) emas, dua puluh helai baju dari kain lembut tenunan Mesir, seekor kuda lengkap dengan pelana dan tali rasnya, seekor keldai putih, gula madu (keluaran daerah Banhā – Mesir), setanggi, kayu gaharu dan kasturi.

Hiba hati dua gadis yang rupawan itu,

ketika mereka meninggalkan tanah air yang dikasihi, tetapi di sepanjang perjalanan itu mereka telah dihiburkan oleh Hāṭib dengan cerita-cerita tua mengenai tanah Hijāzyang bersejarah, dan sesudah itu diceritakannya pula perihal Nabī Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa ălihi wa sallam*.

Tertarik hati kedua gadis jelita – Māriah dan Sīrīn – itu mendengarnya, dan terbukalah hati mereka untuk memeluk Islam dan menumpahkan kasih mereka kepada Junjungan *sallā Allāh ‘alayhi wa ălihi wa sallam*.

Tidak berapa antaranya, angkatan utusan Nabi itu pun tiba di Madinah, pada tahun yang ketujuh Hijrah. Pada ketika itu Nabi baharu balik dari mengikat perjanjian damai sementara “al-Hudaibiyyah” dengan kaum musyrikin penduduk Makkah.

Baginda pun menerima surat Al-Muqawqis – Raja Mesir – dan hadiah-hadihnya itu. “Māriah” telah dijadikan

isteri oleh baginda (kerana mengikat tali persemendaan¹ dengan orang-orang Mesir) manakala adiknya “Sīrīn” telah dihadiahkan kepada sahabat baginda: Hassān ibn Thābit ahli syair yang tekenal.

Berita Rasulullah beristerikan Siti Māriah yang rupawan itu telah terhebat dengan derasnya dalam kalangan isteri-isteri baginda yang lain. Siti Māriah telah ditempatkan di sebuah rumah khas kepunyaan Hārithah ibn al-Nu‘mān, salah seorang sahabat Nabi, terletak berhampiran dengan masjid.

Isteri Nabi yang baharu ini sudah tentu menjadikan Siti ‘Āishah resah gelisah dan meluap-luap rasa cemburunya.

Bayang-bayang dan Harapan

Kira-kira setahun telah lalu, dan Siti Māriah berada dalam kebahagiaan kerana mendapat kehormatan di sisi suami yang dikasihi – Rasulullah. Kedudukannya sama seperti *Ummu al-Mu‘minīn-Ummu al-Mu‘minīn* yang lain.

Harapan Siti Māriah bertumpu bulat-bulat kepada Junjungan yang dikasihi, kerana dia adalah suami dan dia adalah juga ganti ibu bapa, kaum kerabat dan tanah air.

Kisah Siti Hājar, sentiasa terbayang-bayang dalam fikirannya. Siti Hājar yang senasib dengannya ialah juga berasal seorang gadis Mesir, yang telah diperisterikan oleh Nabī Ibrāhīm ‘alayhi al-salām, dan manakala ia melahirkan seorang putera, maka madunya Siti Sārah naik cemburu, dan kesudahannya, Siti Hājar bersama-sama dengan anakandanya Sayyidinā Ismā‘īl, dibawa oleh Nabī Ibrāhīm ke tanah suci Makkah, dan di sana

¹ pertalian kekeluargaan yg terjalin kerana berkahwin dgn anggota sesuatu keluarga (jika dilihat dr pihak keluarga itu)

mereka telah ditinggalkan dua beranak di padang tandus yang
yang kering-kontang itu.

Siti Māriah selalu tertarik hati tatkala mendengar
Rasulullah menceritakan kepadanya bagaimana Siti Hājar
menerima bantuan dari langit, dengan terpancaranya air zamzam,
dan kerana mata air yang berkat dan bersempena baik itu,
Semenanjung Arab telah mengalami suatu kehidupan baharu.
Dan juga bagaimana Siti Hājar telah hidup di dalam
sejarah bahkan perbuatannya berlari anak dari Bukit
Safā dan Marwah – kerana mencari air – telah menjadi
suatu amal ibadah yang berkekalan di dalam amalan haji dan
Islam.

Telah menjadi kebiasaan kepada Siti Māriah, apabila
ia tinggal seorang diri, maka melayang-layang fikirannya
mengenangkan Siti Hājar yang berasal dari Mesir dan
ibu kepada Nabī Ismā‘īl, kerana didapatinya mempunyai
persamaan dengan dirinya sendiri: Kedua-duanya ialah dua
orang hamba perempuan dari bangsa Mesir. Siti Hājar
dihadiahkan oleh Siti Sārah kepada Nabī Ibrāhīm,
manakala dirinya sendiri (Māriah) dihadiahkan oleh Raja
Mesir kepada Nabī Muḥammad. Mereka berdua telah membangkitkan
rasa cemburu isteri-isteri yang lain di rumah tangga Nabi-nabi
yang menjadi tuan-tuan mereka: Nabī Ibrāhīm dan Nabī
Muhammad – ‘alayhimu al-ṣalātu wa al-salām.

Tetapi Siti Hājar telah melahirkan seorang
putera bagi Nabī Ibrāhīm, oleh itu dapatkah
kiranya dia (Māriah) melahirkan seorang putera bagi
Nabī Muhammad?

Sungguh jauh cita-cita yang demikian, malah hampir-hampir
kepada perkara yang mustahil! Rasulullah ᷣallā Allāh ‘alayhi wa ālihi
wa sallam telah beristeri selepas Siti Khadījah wafat,
sepuluh orang isteri. Di antaranya ada yang muda, ada yang
pertengahan umurnya, dan ada yang pernah melahirkan anak.
Tetapi kesemuanya tidak melahirkan anak bagi baginda,
yang telah kematian putera-putera dan puteri-puterinya dari Siti Khadījah
dahulu, dan tidak ada yang tinggal selain daripada
seorang puterinya: “Siti Fāṭimah al-Zahrā” sahaja.

Sekarang Rasulullah telah berusia hampir-hampir mencapai
enam puluh tahun, dan kelihatan baginda seolah-olah
berhenti daripada bercita-cita dan terharap-harap untuk mendapat
anak, setelah menghabiskan masa yang bertahun-tahun dengan
isteri-isteri baginda yang berbilang-bilang, tetapi kosong daripada
memperoleh zuriat.

Dengan hal yang demikian, bagaimana Siti Māriah
boleh mencapai kedudukan seorang ibu sebagaimana yang
telah dicapai oleh Siti Hājar yang dengan kemujurannya
beruntung melahirkan seorang putera – Ismā‘īl!

Cita-citanya itu jauh sungguh daripada menjadi
kenyataan, dan harapannya hanya berupa bayang-bayang sahaja nampaknya.

(bersambung)

(Dari buah kalam Dr. Bintu al-Shāfi‘ī dalam bukunya
“Isteri-isteri Nabi” yang telah dipersetujuan oleh Ummu Muhsin
dan diterbitkan oleh Qalam).